



## KENYATAAN MEDIA

### HARI PENGENALAN AHLI JAWATANKUASA PERTUBUHAN KOMUNITI PPR JALAN SUNGAI SABTU 29 JUN 2013; PPR JALAN SUNGAI, SUNGAI PINANG

Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) adalah sebuah badan yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri untuk memperkasakan wanita dan mengarusperdanakan gender di Pulau Pinang. Ia berfungsi untuk menasihati EXCO Negeri Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti dalam menggubal dasar untuk merealisasikan kesaksamaan gender dan sosial di Pulau Pinang. Projek Perintis Bajet Responsif Gender (BRG) di bawah PWDC dengan kerjasama Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) menganjurkan Hari Pengenalan Ahli Jawatankuasa Pertubuhan Komuniti PPR Jalan Sungai bertempat di PPR Jalan Sungai, Sungai Pinang pada 29 Jun 2013.

Pendekatan BRG telah diamalkan oleh kira-kira 90 buah negara di seluruh dunia. Pulau Pinang mengorak langkah sebagai negeri pertama di Malaysia yang mengembangkan dan mengadaptasi BRG menerusi Projek Perintis BRG di bawah bidang teras Advokasi dan Penggubalan Dasar Gender, PWDC. Matlamat utama BRG adalah untuk memahami keperluan dan kehendak berbeza bagi kelompok masyarakat yang berlainan, selaras dengan slogan yang dilaungkan iaitu '**Kelompok Berlainan, Keperluan Berbeza**'.

Projek Perintis BRG telah dijalankan dengan giatnya di PPR Jalan Sungai sejak April tahun 2012 dan sedang dilaksanakan untuk selama 3 tahun. Projek bermula dengan mengidentifikasi enam kelompok berlainan yang terdiri daripada wanita dan lelaki iaitu: kanak-kanak dan remaja (18 tahun ke bawah), belia (19 – 30), dewasa (31 – 55 tahun), warga emas (56 tahun ke atas) dan golongan OKU di PPR. Setelah itu, Kumpulan Tumpu Bincang yang telah dijalankan bersama-sama penduduk mengikut kelompok tersebut untuk mengetahui keperluan mereka. Hasil dari sesi tersebut, enam (6) perkara utama telah disuarakan oleh penduduk iaitu penyelenggaraan bangunan, kebersihan, keselamatan, tempat parkir, taman permainan kanak-kanak dan program kesedaran untuk penduduk. Satu proses mengundi telah dijalankan selama tiga (3) hari di mana semua penduduk yang berumur 10 tahun ke atas memilih keutamaan keperluan mereka dengan menggunakan pendekatan bajet sebanyak RM500 setiap seorang. Hasil daripada Hari Mengundi yang diadakan

pada bulan September 2012, penduduk PPR Jalan Sungai telah memilih Penyelenggaraan Bangunan sebagai keutamaan mereka.

Sebagai tindakan responsif terhadap keperluan penduduk, iaitu Penyelenggaraan Bangunan, pihak MPPP telah memperuntukan sejumlah bajet untuk mengelat 2 blok bangunan 22 tingkat di PPR Jalan Sungai, Sungai Pinang. Satu lagi usaha MPPP bersama dengan Projek BRG adalah dengan mewujudkan Kontrak Komuniti Projek Pembersihan PPR Jalan Sungai di mana MPPP menyalurkan sejumlah dana untuk program pembersihan untuk diuruskan oleh wakil komuniti PPR Jalan Sungai. Selain memberi peluang pekerjaan kepada penduduk, projek ini juga dapat memperkasakan penduduk menyelenggarakan kebersihan bangunan dan memberi peluang kepada mereka untuk menjalankan tadbir urus yang baik.

Atas permintaan penduduk dan Program Kontrak Kebersihan yang dicadangkan tersebut, pihak BRG-PWDC telah menjalankan proses demokrasi tempatan dengan mengadakan Hari Penamaan Calon pada 13 Jun yang lepas bagi memberi peluang penduduk sendiri menamakan calon pilihan mereka untuk dijadikan sebagai Ahli Jawatankuasa Pertubuhan Komuniti PPR Jalan Sungai bagi menguruskan Program Kontrak Kebersihan kelak. Lima (5) orang calon telah dinamakan dan kelima-lima mereka telah menang tanpa bertanding. Jawatankuasa tersebut telah melantik sebahagian lagi ahli-ahli dengan mengambil kira faktor jantina, etnik dan peringkat umur.

Tujuan Hari Pengenalan Ahli Jawatankuasa Pertubuhan Komuniti PPR Jalan Sungai diadakan adalah untuk memperkenalkan Ahli Jawatankuasa kepada penduduk-penduduk PPR Jalan Sungai dan masyarakat awam supaya sebarang tuntutan kerja atau tanggungjawab pada masa akan datang akan berjalan dengan lancar. Selain itu ia juga bertujuan untuk mendapat sokongan padu penduduk setempat dalam menyelenggarakan premis PPR Jalan Sungai.

Hari Pengenalan Ahli Jawatankuasa Pertubuhan Komuniti PPR Jalan Sungai yang bermula pada jam 3.00 petang di PPR Jalan Sungai akan dihadiri oleh Yang Berhormat Puan Lim Siew Khim, Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Sungai Pinang sendiri, Cik Ramlah Bee Asiahoo, Ahli Majlis, MPPP, Encik Patrick Khoo, Pengarah Korporat MPPP dan Encik Xavier, Penolong Pengarah Bahagian Perkhidmatan Perbandaran MPPP. Puan Aloyah Bakar selaku Pengarah Projek Bajet Responsif Gender (BRG) turut akan hadir selain dari Ahli Jawatankuasa Pertubuhan Komuniti PPR Jalan Sungai sendiri. Untuk sebarang keterangan lanjut berkenaan Projek Perintis BRG, sila hubungi Kumpulan BRG di talian **(04) 261 2835 / 5261** atau emel : **info@ pwdc.org.my**. Layari juga laman Facebook BRG di **www.facebook.com/GRBPenang** dan twitter di **www.twitter.com/GRBPenang**